



CUKAI JUALAN NEGERI

MINYAK MENTAH KELAPA

SAWIT



1 OGOS 2023

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH



ISI KANDUNGAN

NO.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	
2.	Panduan Cukai Jualan Negeri Ke Atas Minyak Mentah Kelapa Sawit	1-3
3.	Lampiran 1 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 517 1254 607">• Borang 1 – Permohonan Untuk Mendapatkan Lesen Sebagai Orang Yang Kena Membayar Cukai	4-6
4.	Lampiran 2 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 683 1262 719">• Carta Aliran Permohonan & Pengeluaran Lesen Cukai Jualan Negeri	7-8
5.	Lampiran 3 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 835 1091 871">• Senarai Semak Permohonan Lesen Cukai Jualan Negeri	9-10
6.	Lampiran 4 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 987 1254 1023">• Carta Aliran - Pengisytiharan Dan Pembayaran Cukai Jualan Negeri	11-12
7.	Lampiran 5 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 1117 866 1153">• Borang 4 – Penyata Cukai Jualan Negeri<li data-bbox="236 1158 703 1193">• Maklumat Perincian Borang 4	13-15
8.	Lampiran 6 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 1270 1238 1413">• Lampiran A – Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan Secara Terus (Direct Bank-In) Ke Dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah	16-17
9.	Lampiran 7 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 1491 644 1527">• Borang MPOB (EL) MF 4	18-21
10.	Lampiran 8 <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="236 1659 576 1695">• Soalan Lazim (FAQ)	22-26
11.	Warta Kerajaan Negeri Berkaitan Cukai Jualan Negeri Ke Atas Minyak Mentah Kelapa Sawit	27-29

PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT

PENDAHULUAN

Merujuk kepada Perkara 95B (3) dan Jadual 10, Bahagian V dalam Perlembagaan Persekutuan, pengenaan Cukai Jualan Negeri (CJN) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mewartakan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Seiring dengan pengenalan Enakmen tersebut, maka Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 juga telah diwartakan bertujuan antara lainnya menetapkan peranan dan tanggungjawab Pengarah Cukai Jualan Negeri sebagai pegawai yang menguruskan semua perkara-perkara berhubung dengan Cukai Jualan Negeri tertakluk kepada arahan dan pengawalan Menteri Kewangan.

Pengarah Cukai Jualan Negeri adalah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang dibantu oleh Bahagian Cukai Jualan Negeri selaku pelaksana, pemantau dan penguatkuasa.

Cukai Jualan Negeri Ke Atas Minyak Mentah Kelapa Sawit telah dikuatkuasakan pada 1 April 1999 melalui Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 1999. Berikut adalah kadar cukai dan semakan yang telah dilaksanakan:

Perintah	Kadar Cukai	Tahun Dilaksanakan	Harga Ambang (<i>threshold level</i>)
Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 1999	RM50.00 se tan metrik	1 April 1999	-
Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2002	5% x jualan isipadu (tan metrik) x harga purata CPO yang disiarkan oleh MPOB	1 Januari 2003	Tertakluk kepada harga purata CPO bagi Sabah yang disiarkan oleh MPOB
Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2004	7.5% x jualan isipadu (tan metrik) x harga purata CPO bagi Sabah yang disiarkan oleh MPOB	1 Januari 2005 sehingga kini	melebihi RM1,000 se tan metrik

Seterusnya, pada 1 Julai 2022, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah menerima Khidmat Nasihat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai penambahbaikan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berkaitan pengisytiharan Cukai Jualan Negeri oleh syarikat (Kilang Sawit) kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Turut didapati bahawa timbul perbezaan pemahaman pemegang lesen CJN terhadap tafsiran “penjualan” CPO dalam mengisytihar CJN kepada Kementerian ini.

Justeru itu, Garis Panduan ini dikeluarkan agar menjadi panduan lengkap kepada semua pemegang lesen CJN CPO dan memastikan pematuhan secara menyeluruh ke atas pelaksanaan CJN ini.

PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT

1. **Barang-barang yang kena dibayar cukai dan kadar cukai**

Seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2004 :-

Barang	Kadar Cukai Jualan Negeri
Minyak Mentah Kelapa Sawit	(7.5%) Tujuh Perpuuluhan Lima Peratus x Jualan Isipadu (Tan Metrik) x Harga Purata Minyak Mentah Kelapa Sawit(CPO) bagi Sabah seperti yang disiarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Mentah(MPOB) untuk bulan tertentu <i>(tertakluk kepada harga purata tersebut melebihi RM1,000.00)</i>

2. **Tarikh Berkuatkuasa**

Cukai ini mula dikenakan pada 1 Januari 1999.

3. **Orang yang kena membayar cukai**

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kena membayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

4. **Tafsiran "Jualan"**

"Jualan" termasuklah barter; dan termasuklah juga pelupusan barang-barang dengan hak untuk membeli atau atas terma-terma yang diperuntukkan bahawa penjual memegang kepentingan dalam barang-barang tersebut, pemindahan dalaman barang-barang dalam entiti yang sama bagi maksud memproses barang-barang tersebut kepada bentuk produk yang lain, dan penghantaran barang-barang itu di bawah apa-apa syarat seperti pembayaran kemudian, sama ada atau tidak urus niaga berlaku di dalam atau di luar Negeri; dan "untuk menjual" mempunyai erti yang sama.

Tafsiran "Jualan" bagi maksud yang dikenakan CJN adalah mempunyai maksud yang sama dengan tafsiran "Menjual" dibawa Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Perlesenan) [P.U.(A)516/2005]. Sehubungan dengan itu, pengisytiharan kuantiti penjualan CPO dalam Borang 4 seharusnya diisytihar bersamaan dengan kuantiti penjualan yang diisytiharkan kepada MPOB menerusi Borang MPOB (EL) MF4 Bahagian I, Butiran E. Penjualan/Pengedaran Tempatan di bawah kolom Minyak Sawit Mentah(CPO) Kod 01.

5. **Pendaftaran Lesen Cukai Jualan Negeri**

(i) Orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri melalui **Borang 1 (rujuk: Lampiran 1)** secara atas talian di portal Cukai Jualan Negeri <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk carta aliran permohonan dan pengeluaran lesen Cukai Jualan Negeri serta **Lampiran 3** untuk senarai semak dokumen sokongan permohonan lesen cukai.

(ii) Selepas permohonan lesen diluluskan, emel akan dijana bersama-sama dengan nombor lesen Cukai Jualan Negeri dan tarikh kuatkuasa pendaftaran.

- (iii) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

6. Pengisytiharan dan Pembayaran Cukai Jualan Negeri

- (i) Carta aliran bagi pengisytiharan dan bayaran Cukai Jualan Negeri adalah seperti di **Lampiran 4**.
- (ii) Orang yang kena membayar Cukai Jualan Negeri perlu mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan kuantiti penjualan CPO seperti yang diisytiharkan kepada MPOB menerusi Borang MPOB (EL) MF 4. Contoh Borang 4 adalah seperti di **Lampiran 5** dan contoh Borang MPOB (EL) MF4 adalah seperti di **Lampiran 7**.
- (iii) Orang yang kena membayar Cukai Jualan Negeri membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.
- (iv) Orang yang kena membayar Cukai Jualan Negeri melengkapkan Lampiran A dan memuatnaik bukti pembayaran (*bank slip*) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Lampiran A adalah seperti di **Lampiran 6**.
- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> sebagai bukti sementara bahawa pembayaran telah dibuat. Resit rasmi hanya akan dikeluarkan setelah bayaran telah disahkan diterima oleh Kerajaan Negeri.
- (vi) Borang 4 berserta bayaran hendaklah dikemukakan oleh syarikat dalam tempoh 28 hari daripada tempoh yang kena dibayar cukai. Sebagai contoh: untuk tempoh yang kena dibayar cukai bagi bulan April, Borang 4 yang diisi lengkap hendaklah dikemukakan bersama-sama bayaran sebelum 28hb Mei.
- (vii) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7), Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

7. Rujukan

- Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998
<https://sagc.sabah.gov.my/?q=en/content/state-sales-tax-enactment-1998>
- Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999
<https://sagc.sabah.gov.my/?q=en/content/state-sales-tax-regulations-1999>
- Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2004
<https://sagc.sabah.gov.my/?q=en/content/state-sales-tax-rate-tax-order-2004>

8. **Pertanyaan**

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dan merujuk:

Bahagian Cukai Jualan Negeri
Kementerian Kewangan Negeri
Aras 5, Blok A,
Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU

Tel: 088-368000 (Talian Am) | Faks: 088-216525

Evina Brenda Majimbun: ☎ 088-368068 ✉ EvinaBrenda.Majimbun@sabah.gov.my

Harmidi Zaffuan B. Hashim: ☎ 088-368038 ✉ HarmidiZaffuan.Hashim@sabah.gov.my

DK Normahani Pg. Mohd: ☎ 088-368038 ✉ DKNormahani.PgMohd@sabah.gov.my

Hemilyia Lo: ☎ 088-368913 ✉ Hemilyia.Lo@sabah.gov.my

Lampiran 1

BORANG 1 **PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN** **SEBAGAI ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI**

BORANG 1
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI
ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI
(Peraturan4(1))

SILA TAIP ATAU GUNAKAN HURUF BESAR SAHAJA

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERNIAGAAN

1) SYARIKAT/PERNIAGAAN

2) NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR PERNIAGAAN

(Bagi perkongsian, sila isikan juga butiran 10)

3) NO. TELEFON DAN FAKS

TEL.NO:

FAX NO.:

4) TARIKH DAN NO. RUJUKAN SYARIKAT/NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN

TARIKH:
HARI/BULAN/TAHUN

NO. PENDAFTARAN:

5) TARIKH/JANGKAAN TARIKH PERMULAAN PERNIAGAAN

TARIKH
HARI/BULAN/TAHUN

6) TEMPOH PENGAKUAN TAHUNAN SYARIKAT SAYA TAMAT PADA

TARIKH
HARI/BULAN

BAHAGIAN B: BUTIRAN PERNIAGAAN

7) TERANGKAN KEGIATAN PERNIAGAAN UTAMA ANDA DENGAN SEPENUHNYA

8) SENARAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

NO.	JENIS BARANG-BARANG YANG KENA DIBAYAR CUKAI	KLASIFIKASI/KASTAM HS KOD/TARIF	ANGGARAN PEROLEHAN TAHUNAN (RM)	ANGGARAN PEROLEHAN CUKAI JUALAN NEGERI TAHUNAN (RM)

(Jika ruangan tidak mencukupi, gunakan kertas berasingan)

9) ALAMAT PENUH PERNIAGAAN DI SABAH (UNTUK TUJUAN CUKAI JUALAN NEGERI)

10) BAGI PERNIAGAAN PERKONGSIAN

NO.	NAMA PEKONGSI	ALAMAT PERSENDIRIAN	NO. KAD PENGENALAN/ NO. PASPORT	KEWARGANEGARAAN	TANDATANGAN

11) JIKA PERNIAGAAN DIUSAHAKAN OLEH EJEN ATAU MELALUI CAWANGAN, NYATAKAN NAMA DAN ALAMAT EJEN DAN CAWANGAN

A) NAMA EJEN	ALAMAT
B) NAMA CAWANGAN	ALAMAT

(JIKA RUANGAN YANG DIPERUNTUKKAN ADALAH TIDAK MENCUKUPI, SERTAKAN KERTAS BERASINGAN)

BAHAGIAN C: AKUAN PEMOHON (Selaras dengan Peraturan 4(3), Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999)

12) SAYA, MENGAKU BAHAWA MAKLUMAT DINYATAKAN DALAM BORANG INI DAN DOKUMEN SOKONGAN DISERTAKAN ADALAH BENAR DAN LENGKAP.

TARIKH

/ / TAHUN
 HARI BULAN

_____ TANDATANGAN

13) NAMA PEMOHON

14) NO. KAD PENGENALAN/PASPORT

15) JAWATAN

BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

TARIKH DAN MASA PENERIMAAN

NOMBOR RUJUKAN

KOMEN:

PERMOHONAN: DILULUSKAN
 TIDAK DILULUSKAN (Tandakan (/)dimana relevan)

TARIKH
 / /
 HARI BULAN TAHUN


_____ UNTUK PENGARAH

Lampiran 2

CARTA ALIRAN

PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI

CARTA ALIRAN PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI



Rujukan : Seksyen 9,10 dan 10A Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998
: Peraturan 4 & 5 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999

Lampiran 3

SENARAI SEMAK

DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN

CUKAI JUALAN NEGERI

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN
PERMOHONAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI**

BIL.	DOKUMEN	TANDA(✓)
1.	Salinan kad pengenalan yang telah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara	
2.	Salinan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan	
3.	Salinan dokumen pendaftaran(terkini):-	
	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil pemerbadanan syarikat 	
	<ul style="list-style-type: none"> • Butiran mengenai Pengarah, Pengurusa dan Setiausaha yang terkini 	
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Memorandum & Articles of Assocation</i> 	
4.	Salinan lesen/permit daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia(MPOB)	
5.	Salinan penyata kewangan tahunan (Annual return) yang terkini	

Lampiran 4

CARTA ALIRAN PENGISYTIHARAN DAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

CARTA ALIRAN CUKAI JUALAN NEGERI (TAKSIRAN SENDIRI)

MULA



MENGEMUKAKAN
PENYATA TAKSIRAN
DAN PEMBAYARAN



MENGEMUKAKAN
LAMPIRAN A



RESIT RASMI
KERAJAAN



REKOD

PENERANGAN

- I. Orang yang kena membayar cukai mengemukakan taksiran Cukai Jualan Negeri dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my> dan memuat naik dokumen sokongan iaitu **maklumat perincian Borang 4 dan Borang MPOB (EL) MF 4** dalam masa **28 hari** daripada tempoh yang kena dibayar cukai.
- II. Sebagai contoh, untuk tempoh yang kena dibayar cukai bagi bulan April, Borang 4 perlu diisi lengkap dan Dikemukakan bersama-sama bayaran sebelum 28hb Mei.
- III. Orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Pembayaran dibuat secara perbankan elektronik terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah:

Nama Akaun : Bendahari Negeri Sabah
No. Akaun : 10196-0-01-002530-1
Nama Bank : Alliance Bank Berhad
- IV. Orang yang kena membayar cukai melengkapkan Lampiran A dan memuat naik bukti pembayaran (*bank slip*) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my>
- V. Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my> sebagai bukti sementara bahawa pembayaran telah dibuat. Resit rasmi hanya akan dikeluarkan setelah bayaran telah disahkan diterima oleh Kerajaan Negeri.

Lampiran 5

BORANG 4

- **PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI**
- **MAKLUMAT PERINCIAN BORANG 4**

BORANG 4
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI
(Peraturan-Peraturan 12 & 13)

Kepada: Pengarah Cukai Jualan Negeri, Sabah,
di

PENYATA BAGI TEMPOH KENA BAYAR

1. Nama orang yang kena membayar cukai:
2. No. Lesen cukai jualan Negeri:
3. Alamat:
4. Sifat barangan yang kena dibayar cukai:
5. Jumlah nilai jualan barangan yang kena dibayar cukai yang dijual semasa tempoh
kena bayar cukai RM:
6. Kuantiti yang dijual:
7. Amaun cukai jualan Negeri yang kena dibayar adalah RM:

Pengakuan:

Saya, sebagai seorang yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh, dengan ini mengaku bahawa penyata ini adalah (orang yang kena membayar cukai) benar, betul dan sempurna dalam setiap butiran dan jumlah nilai jualan barangan yang kena dibayar cukai yang dinyatakan di atas telah ditentukan mengikut seksyen 5 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999.

Tandatangan :

Nama orang yang membuat pengakuan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Tarikh Penyata diterima :

Pegawai penerima :

CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT : MAKLUMAT PERINCIAN BORANG 4

ARAHAN: SILA GUNAKAN BORANG MAKLUMAT PERINCIAN INI SECARA BERASINGAN MENGIKUT SYARIKAT PEMBELI/REFINERY

Nama Syarikat : _____
 No Lesen Cukai Jualan Negeri : _____
 Nama Kilang Kelapa Sawit : _____
 Nama Syarikat Pembeli/Refinery : _____
 Tempoh Kena Bayar Cukai : _____

Bil.	Tarikh	No. Invois	Kuantiti Yang Dijual (Metrik Tan)	Catatan
JUMLAH:				

PENGAKUAN ATAS MAKLUMAT YANG DIISYTIHARKAN

Dengan ini adalah disahkan bahawa barangan berikut telah diterima dengan sepenuhnya mengikut kuantiti, kualiti dan syarat-syarat spesifikasi seperti yang ditetapkan:

Syarikat CPO

Nama : _____
 Jawatan : _____
 Tandatangan : _____
 Tarikh Penghantaran : _____
 Cop Rasmi Syarikat : _____

Syarikat Pembeli/ Refinery

Nama : _____
 Jawatan : _____
 Tandatangan : _____
 Tarikh Diterima : _____
 Cop Rasmi Syarikat : _____

Lampiran 6

LAMPIRAN A **PEMAKLUMAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN** **NEGERI MELALUI PERBANKAN SECARA TERUS** ***(DIRECT BANK-IN)* KE DALAM AKAUN** **KERAJAAN NEGERI SABAH**

LAMPIRAN A

Tarikh:

Kepada: Pengarah Cukai Jualan
Kementerian Kewangan
88400 KOTA KINABALU

**Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan
Secara Terus (Direct Bank-In) Ke Dalam Akaun Kerajaan Negeri
Sabah**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sebanyak **RM**..... telahpun dimasukkan dalam Akaun Kerajaan Negeri pada (tarikh).....dengan no.rujukan/no.transaksi..... (salinan slip pembayaran adalah disertakan) untuk menjelaskan cukai jualan atas (jenis cukai)..... bagi tempoh

Sekian dimaklumkan.

Tandatangan : _____
Nama Pegawai : _____
Nama dan Cop Syarikat : _____
Tarikh : _____

Lampiran 7

BORANG MPOB (EL) MF 4

MPOB(EL) MF 4
MPOB(EL) PX 4-MF



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
PENYATA BULANAN KILANG BUAH - MPOB (EL) MF 4
BULAN : TAHUN :**

Nombor Lesen
Nama Premis

MAKLUMAT PELESEN

Nombor Lesen
Nama Premis
Alamat Premis Berlesen

Alamat Surat Menyurat

No Telefon
Alamat e-mail
Nama Pegawai Melapor
Jawatan Pegawai Melapor
Nama Pegawai
Bertanggungjawab
Jawatan Pegawai
Bertanggungjawab

**BAHAGIAN I : MAKLUMAT BELIAN, PROSES, PENGELUARAN,
JUALAN/EDARAN, STOK AKHIR (Berdasarkan Dalam Premis Kilang Sahaja.**

Butiran	Buah Kelapa Sawit (FFB) Kod 52	Minyak Sawit Mentah(CPO) Kod 01	Isirong (PK) Kod 51	Minyak Keladak (Sludge Oil) Kod 49
A. Stok Awal Di Premis				
B. Pembelian/Penerimaan				
C. Diproses				
D. Pengeluaran				
E. Penjualan/Pengedaran Tempatan				
F. Eksport Terus Dari Premis				
G. Stok Akhir Di Premis				

BAHAGIAN II : MAKLUMAT JAM PENGILANGAN, KADAR PERAHAN DAN HARGA

- i. Jumlah Jam Pengilangan
- ii. Kadar Perahan MKSM (OER) yang diperolehi
- iii. Kadar Perolehan Isirong (KER)
- iv. Harga Purata Belian Buah Kelapa Sawit (FFB) RM
(1% Kadar Perahan)

Sebab-Sebab OER Meningkatkan	Tanda (√)	Sebab-Sebab OER Menurun	Tanda (√)
a. Buah berkualiti		a. Tiada/ kurang buah berkualiti	
b. Kesan dari cuaca yang baik		b. Kesan cuaca kering	
c. Proses kitar semula minyak		c. Jerebu	
d. Kecekapan kilang/mesin		d. Kesan Penerimaan hujan yang berlebihan	
e. Proses pengendalian bks yang minima (less ffb handling)		e. Banjir	
f. Proses lebih buah lerai		f. Buah Dari Ladang Baru Berhasil	
		g. Kurang Buah Lerai	

Lain-lain jawapan, sila nyatakan :

BAHAGIAN III : BELIAN/PENERIMAAN BEKALAN BUAH KELAPA SAWIT (FFB) (52)

Sumber Bekalan	Kuantiti (Tan Metrik)
1. Estet Sendiri	
2. Estet Luar	
3. Peniaga Buah	
4. Pekebun Kecil	
5. Kilang Buah Lain	
6. Lain-lain (jumlahkan)	
JUMLAH	

BAHAGIAN IV : EDARAN/JUALAN MINYAK SAWIT MENTAH (CPO) (01)

Pembeli/Penerima	Kuantiti (Tan Metrik)
1. Kilang Buah	
2. Kilang Penapis	
3. Kilang Oleokimia	
4. Peniaga	
5. Pusat Simpanan	
6. Eksport	
7. Transit	
8. Lain-lain (jumlahkan)	
JUMLAH	

BAHAGIAN V : EDARAN / JUALAN ISIRONG SAWIT (PK) DALAM NEGERI (51)

Pembeli/Penerima	Kuantiti (Tan Metrik)
1. Kilang Isirong	
2. Peniaga	
3. Lain-lain (jumlahkan)	
JUMLAH	

BAHAGIAN VI : EKSPORT PRODUK SAWIT

Produk	Kod Produk	Nombor Borang Kastam 2	Tarikh Eksport	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM)	Kod Negara	Destinasi Negara

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan sepanjang pengetahuan saya adalah tepat, benar, lengkap dan selaras dengan rekod harian.

Tarikh Penghantaran :
 Nama Pegawai Melapor:
 Jawatan Pegawai Melapor:

Lampiran 8

SOALAN LAZIM (FAQ)

SOALAN LAZIM (FAQ) CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT

1. **Apakah barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan Negeri dan berapakah kadar cukai?**

Barang	Kadar Cukai Jualan Negeri
Minyak Mentah Kelapa Sawit	(7.5%) Tujuh Perpuluhan Lima Peratus x Jualan Isipadu (Tan Metrik) x Harga Purata Minyak Mentah Kelapa Sawit(CPO) bagi Sabah seperti yang disiarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Mentah(MPOB) untuk bulan tertentu <i>(tertakluk kepada harga purata tersebut melebihi RM1,000.00)</i>

2. **Bilakah cukai ini dikenakan?**

Cukai ini mula dikenakan pada 1 Januari 1999.

3. **Siapakah orang yang membayar cukai?**

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kena membayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

4. **Adakah pengisytiharan “penjualan” Cukai Jualan Negeri ke Atas Minyak Mentah Kelapa Sawit di Borang 4 Cukai Jualan Negeri adalah sama dengan pengisytiharan “penjualan” kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia(MPOB) menerusi Borang MPOB (EL) MF4?**

Ya. Kuantiti penjualan Minyak Sawit Mentah(CPO) yang diisytihar dalam Borang 4 Cukai Jualan Negeri adalah merujuk kepada kuantiti penjualan yang diisytihar kepada MPOB menerusi Borang MPOB (EL) MF4 Bahagian I, Butiran E. Penjualan/Pengedaran Tempatan di bawah kolom Minyak Sawit Mentah(CPO) Kod 01. **(Rujuk Lampiran 7, Muka Surat 19)**

5. **Apakah tanggungjawab orang yang kena membayar cukai?**

Orang yang kena membayar cukai dikehendaki:

- (i) Berdaftar di bawah Cukai Jualan Negeri
- (ii) Mempamerkan lesen Cukai Jualan Negeri di tempat yang jelas di tempat perniagaan
- (iii) Mengeluarkan invois
- (iv) Mengenakan Cukai Jualan Negeri ke atas jualan bagi barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan Negeri
- (v) Membayar dan mengemukakan penyata cukai
- (vi) Menyimpan rekod yang berkaitan (rekod hendaklah disimpan bagi tempoh 6 tahun daripada tarikh akhir pada mana-mana buku akaun, rekod-rekod termasuk nota serahan dan invois-invois berkaitan.)
- (vii) Memaklumkan Kementerian Kewangan Negeri Sabah sekiranya:-
 - terdapat perubahan ke atas maklumat-maklumat syarikat.

- syarikat menghentikan perniagaan dalam menjual atau membekalkan barang yang dikenakan Cukai Jualan Negeri.
- Tiada penjualan/pengisytiharan Cukai Jualan Negeri pada bulan semasa yang disertakan bersama dokumen sokongan

6. Bagaimanakah saya boleh berdaftar di bawah Cukai Jualan Negeri?

Orang yang kena membayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen melalui Borang 1 sebagai orang yang kena membayar cukai kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri. Borang boleh diisi melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Borang 1 adalah seperti di **Lampiran 1**.

7. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk permohonan lesen Cukai Jualan Negeri?

Sila rujuk **Lampiran 3**.

8. Bagaimana saya tahu saya telah didaftarkan?

Pemakluman melalui emel akan diberikan sekiranya permohonan lesen telah diluluskan.

9. Perlukah saya memperbaharui lesen ini setiap tahun?

Tidak perlu, lesen ini tidak mempunyai tarikh luput.

10. Bolehkah saya menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang yang dikenakan cukai jualan negeri tanpa lesen cukai jualan negeri?

Tidak boleh. Selaras dengan Seksyen 10 (1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, tiada seseorang boleh menjalankan mana-mana perniagaan melainkan jika dia memiliki lesen Cukai Jualan Negeri.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

11. Apakah prosedur mengemukakan penyata cukai jualan dan bilakah cukai perlu dibayar?

- Carta aliran bagi pengisytiharan dan pembayaran cukai adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Orang yang kena membayar cukai perlu mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan kuantiti penjualan CPO **SAMA** seperti pada Borang MPOB (EL) MF 4. Contoh Borang 4 adalah seperti di **Lampiran 5** dan contoh Borang MPOB (EL) MF 4 adalah seperti di **Lampiran 7**.
- Orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Bayaran dibuat secara perbankan elektronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.

- (iv) Orang yang kena membayar cukai memuatnaik Lampiran A dengan bukti pembayaran (bank slip) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Lampiran A adalah di **Lampiran 6**.
- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my sebagai bukti sementara bahawa pembayaran telah dibuat. Resit rasmi hanya akan dikeluarkan setelah bayaran telah disahkan diterima oleh kerajaan negeri.
- (vi) Pembayaran Cukai Jualan Negeri perlu dibayar sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 haribulan** bagi setiap bulan.
- (vii) Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

12. Apakah dokumen sokongan yang perlu disertakan semasa mengisytihar Borang 4, Penyata Bulanan Cukai Jualan Negeri?

Bagi setiap pengisytiharan Borang 4 yang dibuat, pembayar cukai juga diminta untuk menyertakan maklumat perincian Borang 4 dan **Borang MPOB (EL) MF 4**. (Seperti di Lampiran 5) Contoh Borang MPOB (EL) MF 4 adalah di **Lampiran 7**.

13. Apakah kaedah pembayaran cukai jualan?

Cukai jualan hendaklah dibayar secara perbankan eletronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah iaitu:

Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah

Nama Bank : Alliance Bank Berhad

No. Akaun : 10196-0-01-002530-1

No. ID : 32RSO00034049

Swift Code : MFBBMYKL

14. Adakah penalti dikenakan ke atas pembayaran lewat?

Selaras dengan Seksyen 18, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, sekiranya orang yang membayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang dikehendaki, penalti sebanyak 10 peratus akan dikenakan. Kenaikan 10 peratus akan dikenakan bagi setiap tempoh 30 hari yang berikuit sehingga penalti maksimum sebanyak 50 peratus.

15. Sekiranya inouis dikeluarkan dalam mata wang asing, apakah kadar pertukaran mata wang asing yang dirujuk dalam mengemukakan penyata cukai jualan?

Kadar pertukaran Bank Negara Malaysia semasa penjualan dibuat.

16. Adakah pengisytiharan cukai jualan negeri berdasarkan kuantiti pengeluaran minyak sawit mentah?

Tidak. Pengisytiharan cukai jualan negeri adalah berdasarkan kuantiti **PENJUALAN** minyak sawit mentah.

17. Adakah syarikat A dikenakan cukai jualan negeri sekiranya menjual semula minyak yang dibeli daripada syarikat B yang mana minyak tersebut telahpun dikenakan cukai jualan negeri?

Ya. Syarikat A adalah dikenakan Cukai jualan negeri dan hendaklah membuat pengisytiharan dan pembayaran cukai bagi minyak yang dijual. Syarikat A seterusnya boleh memohon pengecualian kenaan cukai daripada Kementerian Kewangan Negeri bagi mengelakkan cukai berganda (*double taxation*) pada produk yang sama.

18. Adakah syarikat perlu mengisytihar dan membayar cukai jualan negeri bagi minyak yang dipindahkan daripada kilang A ke kilang B walaupun tiada transaksi penjualan berlaku ke atas minyak yang dipindahkan.

Ya. Pihak syarikat perlu mengisytihar dan membayar cukai jualan negeri bagi transaksi tersebut kerana ianya termasuk dalam tafsiran 'jualan' di bawah Seksyen 2, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Warta Kerajaan Negeri Sabah

**BERKAITAN CUKAI JUALAN NEGERI
KE ATAS MINYAK MENTAH KELAPA SAWIT**



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LIX] KOTA KINABALU, KHAMIS, 23 DISEMBER 2004 [No. S 6

No. S 27

[No. JPBN(S) 600-1/57 Klt. 4

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998

PERINTAH CUKAI JUALAN NEGERI (KADAR CUKAI) 2004

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 6(1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, Menteri Kewangan dengan ini membuat perintah berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2004 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2005.

2. Cukai jualan Negeri hendaklah dilevi ke atas jualan barang-barang yang kena dibayar cukai yang ditetapkan dalam ruangan (1) Jadual pada kadar yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruangan (2).

Enakmen No. 12 tahun 1998.

Nama dan mula berkuatkuasa.

Kadar cukai jualan Negeri ke atas barang-barang yang kena dibayar cukai.

JADUAL

(1)

*Barang-barang Yang Kena
Dibayar Cukai*

Minyak Mentah Kelapa Sawit

(2)

Kadar Cukai

(7.5%) Tujuh Perpuhuan Lima Peratus x Jualan Isipadu (Tan Metrik) x Harga Purata Minyak Mentah Kelapa Sawit (CPO) bagi

Sabah seperti yang disiarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk bulan tertentu (tertakluk kepada harga purata tersebut melebihi RM1,000.00).

Pembatalan. 3. Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2002 yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. S 15 tahun 2002 adalah dengan ini dibatalkan.

Diperbuat pada 16 Disember 2004.

DATUK MUSA HAJI AMAN,
Menteri Kewangan.

[Akan dibentangkan pada Dewan Undangan menurut seksyen 6(3) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998].

[No. JPBN(S) 600-1/57 Klt. 4

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998

STATE SALES TAX (RATE OF TAX) ORDER 2004

Enactment No. 12 of 1998. In exercise of the powers conferred upon him by section 6(1) of the State Sales Tax Enactment 1998, the Minister of Finance hereby makes the following order:

Citation and commencement. 1. This Order may be cited as State Sales Tax (Rate of Tax) Order 2004 and shall come into force on the 1st day of January 2005.

Rate of State sales tax on taxable goods. 2. State sales tax shall be levied on the sale of the taxable goods specified in column (1) of the Schedule at the rate stipulated opposite thereto in column (2).

SCHEDULE

(1) <i>Taxable Goods</i>	(2) <i>Rate of Tax</i>
Crude Palm Oil	(7.5%) Seven and half per centum x Sales Volume (metric tonne) x Average price of Crude Palm Oil (CPO) for Sabah as published by Malaysia Palm Oil Board (MPOB) for that particular month (provided that the average price exceeds RM1,000.00).

PENAFIAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi pemahaman umum tentang Cukai Jualan Negeri ke atas Minyak Mentah Kelapa Sawit dan kewajipan orang yang dikenakan cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi secara komprehensif semua isu cukai yang mungkin timbul. Namun, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul. Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Panduan ini tertakluk kepada perubahan, apabila perlu.